



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 13/ 2018

TIADA PROSEDUR BARU DIPERKENALKAN DALAM KAEDAH PENGUNDIAN PADA PRU14

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ingin menjelaskan bahawa tiada prosedur baru akan diperkenalkan dalam kaedah pengundian pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) akan datang. Ini berikutan terdapat kekeliruan dan salah faham berhubung dengan laporan media semalam bahawa SPR akan memperkenalkan kaedah 'urutan jari' dalam PRU14 bagi mengelak sebarang penipuan semasa proses pembuangan undi. Salah faham ini berlaku semasa sesi Taklimat dan Simulasi Proses Pilihan Kepada Petugas-Petugas Media Peringkat Negeri Pahang pada 14 Februari lalu.

2. SPR ingin menjelaskan bahawa kaedah tersebut bukan satu prosedur atau peraturan khusus yang ditetapkan oleh SPR, tetapi ia sebenarnya merupakan salah satu cara bagi petugas pilihan raya untuk membuat pemeriksaan jari terhadap pengundi bagi mengenalpasti cubaan penipuan dengan menggunakan jari palsu semasa proses pengundian.

3. Ini selaras dengan Peraturan 19(13) dan 19A, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 yang jelas mengkehendaki bahawa jari pengundi diperiksa bagi memastikan tiada dakwat pilihan raya di jari pengundi sebelum jari pengundi

dicelup dengan dakwat pilihan raya dan pengundi diberikan kertas undi. Pemeriksaan terhadap jari dibuat bagi memastikan tiada tandaan dakwat pilihan raya dan juga sebarang halangan seperti sarung jari palsu yang memungkinkan celupan dakwat tidak melekat pada jari pengundi. Kaedah ini telahpun dipraktikkan pada PRU13 dan akan diteruskan pada PRU14 kelak dan ianya bukanlah satu proses yang baharu.

4. Selain daripada itu, SPR juga ingin memaklumkan bahawa pada PRU Ke-14 nanti, SPR akan mengguna pakai kaedah mencelup jari pengundi menggantikan kaedah mencalit jari sebagaimana dalam PRU Ke-13 yang lalu. Kaedah ini telah diguna pakai pada Pilihan Raya Kecil (PRK) selepas PRU13 dan juga semasa Pilihan Raya Negeri Sarawak Ke-11 yang lalu.

5. Justeru itu, semua pihak diharap tidak keliru dan tidak menganggap teknik lurutan jari sebagai satu peraturan baru sebaliknya ia hanyalah salah satu cara yang dicadangkan untuk memeriksa dan mengesan jari pengundi sekiranya terdapat kecurigaan berkaitan penggunaan jari palsu. Ini adalah bagi memastikan tidak berlaku sebarang cubaan penipuan menggunakan jari palsu.

6. Dalam hal ini, SPR memberi jaminan akan memastikan bahawa tidak akan ada ruang untuk mana-mana pihak melakukan penipuan atau cuba mensabotaj sistem pengundian yang dijalankan pada PRU14 nanti.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH*

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

PUTRAJAYA

Tarikh: 15 Februari 2018 / 29 Jamadil Awwal 1439H